

# Undang-undang baharu digubal tangani kilang haram

BH. 15/8/2017, ms. 14

➔ Pindaan beri lebih kuasa agensi alam sekitar ambil tindakan

sekitar mempunyai pelbagai kelompongan, sekali gus mengundang kewujudan kilang haram yang semakin berleluasa.


Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan menggubal dan meminda undang-undang alam sekitar supaya berupaya mengekang penularan kegiatan kilang haram yang menjejaskan ekosistem sungai dan kawasan sekitar.

## Umpama ‘tiada taring’

“Kerajaan seperti tiada ‘taring’ untuk mengambil tindakan termasuk menutup atau menyita mana-mana kilang haram kerana arahan sedemikian bukan boleh dibuat secara sewenang-wenangnya.

“Kekangan ini timbul kerana kuasa untuk menutup mana-mana premis terletak pada bidang tugas pihak berkuasa tempatan (PBT), sekali gus wujud kepincangan menjalankan operasi secara tuntas.

“Kita cuba atasi perkara ini menerusi pindaan undang-undang berkaitan supaya agensi



Kekangan ini timbul kerana kuasa untuk menutup mana-mana premis terletak pada bidang tugas pihak berkuasa tempatan (PBT), sekali gus wujud kepincangan menjalankan operasi secara tuntas”

**Wan Junaidi Tuanku Jaafar,**  
Menteri Sumber Asli  
dan Alam Sekitar

alam sekitar diberikan lebih peruntukan dan bidang kuasa setiap kali berdepan dengan isu kilang haram,” katanya kepada BH, semalam.

Jumaat lalu, EXCO Pulau Pinang, Phee Boon Poh bersama pengarah dan pengurus sebuah kilang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan siasatan terhadap operasi sebuah kilang haram atas tanah pertanian di Sungai Lembu, Penanti.

Susulan itu, Boon Poh, 65, yang memegang portfolio Kebajikan, Masyarakat Penyang dan Alam Sekitar negeri bersama dua individu terbabit diraman selama lima hari. Bagaimanapun, Mahkamah Tinggi membebaskan Boon Poh dan dua beranak itu.

Wan Junaidi berkata, pembabitan masyarakat juga penting dalam memerangi isu penularan operasi kilang haram, berbanding mengambil sikap ‘berpeluk tubuh’ dan menyerahkan tanggungjawab itu kepada PBT dan kementerian.

Oleh Luqman Arif  
**Abdul Karim, Muhammad Yusri Muzamir dan Nur Izzati Mohamad**  
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Undang-undang baharu bakal digubal bagi membolehkan kerajaan memantau dan mengambil tindakan terhadap kilang haram di seluruh negara.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata perundangan sedia ada membabitkan penjagaan alam